

# Penjawat awam didenda RM1,800

Lelaki mengaku salah palsukan dokumen kebenaran merentas negeri

Oleh Zuliaty Zulkifli  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Seorang penjawat awam didenda RM1,800 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas kesalahan memalsukan dokumen kebenaran merentas negeri ketika diperiksa polis pada Isnin lalu.

Mohd Norhisham Ismail, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor.

Dia yang bekerja sebagai penolong pegawai teknologi maklumat di Putrajaya didakwa me-

ngikut Seksyen 177 Kanun Kesek�an kerana pemalsuan dokumen.

Tertuduh sepatutnya pulang ke Putrajaya pada 17 Mei lalu, namun dipercayai menukar tarikh pada surat kebenaran merentas negeri ke tarikh 26 Mei bagi membolehkannya tinggal lebih lama di kampung bagi menyambut Aidilfitri.

Mohd Norhisham memberi alasan pulang ke negeri ini untuk menghantar ubat kepada bapanya di Pendang.

Tertuduh dikesan melakukan kesalahan itu ketika datang ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pendang untuk memohon surat kebenaran merentas negeri dari Pendang ke Putrajaya.

Sebelum menerima permohonannya, pihak polis meminta lelaki terbabit mengemukakan surat kebenaran merentas negeri dari Putrajaya dan kemudian mengesyaki sesuatu menurunkan pada surat berkenaan.

Anggota polis menghubungi



BHTV

**Mohd Norhisham (tengah)** dibawa polis ke Mahkamah Majistret Alor Setar, semalam.  
(Foto Zuliaty Zulkifli/BH)

pihak yang mengeluarkan surat kebenaran di Putrajaya sebelum mendapati ada tarikh yang berbeza dan mengesahkan individu itu sepatutnya pulang ke pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan pada 17 Mei lalu.

Berikutnya itu, Mohd Norhisham dan isterinya tidak dibenarkan pulang ke Putrajaya sehingga siasatan kes selesai.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendant Elias Omar berkata, ia kes pertama membabitkan pemalsuan dokumen untuk merentas negeri di Kedah.